

# 'Izzah ada bakat istimewa'

BERITA HARIAN (21/6/2022) page 48

Oleh Helmi Talkah  
helmi.talkah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** John Beasley mengakui Nurul Izzah Izzati Mohd Asri memiliki bakat 'istimewa' selepas menjadi pelumba wanita pertama negara memenangi pingat emas acara 500 meter (m) ujian masa pada Kejuhanan Berbasikal Asia (ACC) di New Delhi, India, semalam.

Justeru, ketua jurulatih berbasikal trek negara itu memberikan pujian kepada jurulatih pelumba berkenaan, Noor Alfizar Othman di Kedah yang disifatkan sudah melaksanakan tugas dengan luar biasa apabila berjaya membangunkan beliau biarpun tanpa kemudahan velodrom.

"Saya tidak boleh ambil pujian di atas kejayaan Izzah sebaliknya ia perlu diberikan kepada Fizat (Noor Alfizar) di Kedah. Dia sudah melaksanakan tugas yang menakjubkan dan kami gembira dia kini sebahagian daripada skuad negara.

"Adalah sesuatu yang positif apabila dapat melihat jurulatih seperti Fizat membangunkan bakat seperti Izzah tanpa kemudahan velodrom untuk menjalani latihan di Kedah. Semua persiapan dilakukan di jalan raya dengan bimbingan jurulatih yang kreatif.

"Dia adalah individu yang berhak untuk menerima pujian di atas kejayaan Izzah," kata Beasley kepada *BH Sukan*.

Nurul Izzah, 19, mencipta sejarah apabila menjadi pelumba wanita pertama negara memenangi emas acara 500m ujian masa individu selepas pencapaian terbaik sebelum ini diraih Fatah Mustapa yang memenangi perak pada 2008 dan 2015.

Izzah muncul pelumba terpantas dengan catatan masa 35.499 saat (s), sekali gus mengatasi pelumba Korea Selatan, Kim Bomi yang menamatkan saingan di kedudukan kedua (36.374s), manakala wakil tuan rumah, Mayuri Dhanaraj ketiga (36.481s).

Pada saingan ACC kali ini, pelumba muda negara itu turut akan beraksi dalam acara pe-



Izzah (tengah), meraikan kejayaan memenangi emas acara 500m ujian masa Kejuhanan Berbasikal Asia (ACC) di New Delhi, kelmarin bersama pemenang perak, Kim Bomi dari Korea Selatan (kiri) dan Mayuri Dhanaraj, gangsa dari India. (Foto ihsan FB MSN)

cut individu, pecut berpasukan (bersama Anis Amira Rosidi) dan keirin. Sementara itu, Nurul Izzah mengakui semakin percaya dengan kemampuan dirinya kejayaan dilakranya, semalam.

Katanya, selepas tamat saingan yang berlangsung di Velodrom Kompleks Sukan Indira Ghani itu barulah dia sedar dirinya mampu bersaing dengan kelompok pelumba yang lebih hebat dan berpengalaman berbanding dirinya.

"Selepas saya melihat catatan masa pelumba lain, barulah saya tahu di mana kemampuan saya. Alhamdulillah, sebenarnya saya boleh buat (yang terbaik dan meraih emas).

"Saya berpuas hati dengan kejayaan ini, namun masih ba-

**Nama:** Nurul Izzah Izzati Mohd Asri  
**Tarikh lahir:** 11 September 2003  
**Asal:** Sungai Petani, Kedah  
**Mula sertai skuad pelapis:** Januari 2022

**Pencapaian:**  
- Pingat emas 500m ujian masa Kejuhanan Berbasikal Asia 2022  
- Pingat emas pecut individu Kejuhanan Berbasikal Trek Kebangsaan 2022  
- Pingat gangsa keirin Kejuhanan Berbasikal Trek Kebangsaan 2022

nyak perlu diperbaiki supaya saya mampu memberi kayuhan lebih pantas. Apa pun, saya berterima kasih dan berasa bangga kerana menjadi pelumba pertama meraih emas acara ini di ACC.

"Saya juga sedikit terkejut

dan tidak percaya dengan kejayaan yang diraih di sini," kata Izzah yang mula diserapkan dalam skuad pelapis berbasikal trek negara, Januari lalu.

Nurul Izzah yang mencipta kejutan apabila memenangi pingat emas keirin ketika Kejuhanan Berbasikal Trek Kebangsaan, bulan lalu selepas ini akan mengalihkan fokusnya bagi membuat persiapan menghadapi Sukan Komanwel Birmingham 2022 bermula 28 Julai hingga 8 Ogos ini.

Dia yang sebelum ini mewakili Kedah dalam beberapa kejuhan peringkat kebangsaan, termasuk Sukan Malaysia (SUKMA) tidak hanya beraksi dalam acara trek tetapi turut berlumba bagi acara BMX dan berbasikal bukit.